

16/02/2003

ST sengaja putar belit fakta kemerdekaan Singapura

Munshi

PENULIS kanan akhbar The Straits Times Singapura, Janadas Devan, dalam sebuah rencana 9 Februari lalu menekankan kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lupa Singapura sebenarnya mencapai kemerdekaan pada 16 September, 1963 apabila pemerintahan British di pulau itu tamat dan negeri itu bercantum dengan Malaysia yang merdeka.

MUNSHI: Sebagaimana tradisi akhbar ST milik PAP dan barisan penulisnya,

Janadas juga amat bijak memutarbelit sejarah. Pertama-tama buku sejarah dipelajari murid di Singapura sudah lama mengikis fakta pulau itu dulu adalah sebahagian daripada wilayah jajahan Kesultanan Johor-Riau. Kononnya Singapura mula wujud apabila dibuka oleh Stamford Raffles pada 1824.

Jika

mengikut perkiraan British, Singapura tidak boleh diberikan kemerdekaan melainkan ia bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu dalam gagasan Malaysia.

Perkembangan politik di Singapura dengan Lee Kuan Yew dan PAP dilanda perebutan kuasa dan ancaman daripada puak berhaluan kiri dan komunis menyebabkan penjajah British begitu khuatir memberi ia kemerdekaan.

Bagi British pergolakan politik dan kewujudan kader komunis yang begitu

ramai di Singapura sekitar awal 1960-an, mengancam kepentingan ekonomi dan

strategiknya di rantau sebelah sini.

Jalan keluar bagi Singapura hanyalah percantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu bagi mencapai kemerdekaan penuh iaitu pada 16 September 1963.

Malangnya kareh Kuan Yew dengan perjuangan Malaysian Malaysiannya menyebabkan Allahyarham Tunku Abdul Rahman terpaksa mengisytiharkan pulau

itu keluar dari Malaysia pada 9 Ogos 1965.

Singapura mencapai taraf negara bebas daripada cengkaman penjajah British apabila menyertai Malaysia tetapi diberikan kemerdekaannya yang sah apabila ditandang keluar oleh Tunku.

Janadas mempertikaikan pemberian kemerdekaan itu sebagai satu anugerah Malaysia kepada Singapura dan menganggap sebenarnya Kuan Yew dan PAP berjuang sendirian bagi melepaskan pulau itu daripada cengkaman British. Kononnya Malaysia tidak ada kena mengena.

Dia turut menganggap Persekutuan Tanah Melayu juga diberikan kemerdekaan

oleh British tanpa perjuangan. Dia lupa betapa anak watan berjuang menentang gagasan Malayan Union.